

09 APR 2001

Zainal-Piket

MTUC PUTUSKAN RANCANGAN PIKET PADA 20 APRIL

PETALING JAYA, 9 April (Bernama) -- Keputusan sama ada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan meneruskan piket yang dirancang pada 12 Mei bergantung kepada mesyuarat anggota Majlis MTUC minggu depan, kata Presidennya Senator Zainal Rampak.

Katanya, beliau terpaksa mematuhi apa jua keputusan mesyuarat itu yang akan diadakan pada 20 April.

Bagaimanapun beliau bersedia bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan mengenai perkara-perkara berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menyentuh kebajikan pekerja.

"Kami mahu panel pelaburan KWSP untuk menjawab kepada lembaga. Sekurang-kurangnya kami tahu. Kerana kami mewakili kepentingan pekerja serta majikan juga.

"Kami menggalakkan KWSP untuk melabur wang itu tetapi perlu dalam syarikat yang menguntungkan supaya kami mendapat pulangan yang baik," katanya pada sidang media selepas perasmian Forum Perdana Kesatuan Sekerja anjuran Bahagian Wanita MTUC di sini hari ini.

Zainal berkata rancangan mengadakan piket yang dibuat pada mesyuarat Ahli Majlis MTUC pada 6 April lepas bukan bertujuan menggugat kedudukan ekonomi negara.

"Piket yang diadakan itu bukan mogok...jangan salah petik atau salah faham dengan piket yang dibuat. Saya kira piket itu sama sekali tidak akan mengeruhkan keadaan ekonomi," katanya.

Zainal berkata piket secara aman seperti yang dirancang itu telah banyak diadakan sebelum ini oleh kesatuan pekerja dalam negara ini dan ia sedikitpun tidak menjejaskan ekonomi negara.

Menurutnya, piket yang dirancang itu akan diadakan di luar waktu bekerja.

Semalam, Dr Mahathir meminta MTUC supaya tidak menambah masalah kepada negara dengan mengadakan piket seperti yang dirancang.

Menurut Perdana Menteri, berpiket bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah.

-- BERNAMA

FA AZZ RHM